



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MYSTARTUP ROADSHOW MENERUSKAN SIRI JELAJAH EDISI KETUJUH DI PAHANG

GAMBANG, 18 Oktober 2022 – Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato’ Sri Dr. Adham Bin Baba hari ini telah melancarkan siri jelajah *MYStartup East Coast Region Roadshow* di Gambang, Pahang.

Siri jelajah edisi ketujuh *MYStartup Roadshow* ini dianjurkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi agensi pelaksana, Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle), merupakan lanjutan daripada beberapa siri jelajah sebelum ini dalam usaha meneroka dan memperkasa ekosistem *startup* di Malaysia.

Pada majlis pelancaran *MYStartup East Coast Region Roadshow* Pahang ini, YB Dato’ Sri Dr. Adham bin Baba berkata, “Hentian di negeri Pahang ini adalah hentian yang ketujuh untuk mempergiatkan usaha pemerkasaan ekosistem *startup* negara bagi memastikan komuniti *startup* tidak ketinggalan dalam menerima manfaat daripada program-program anjuran MOSTI.”

Tambah beliau, “Pemilihan Pahang dalam siri jelajah *MYStartup Roadshow* adalah untuk memberi semangat kepada syarikat-syarikat pemula di sini.”

Hadir sama pada majlis pelancaran siri jelajah tersebut ialah Timbalan Menteri Kewangan I, YB Dato’ Indera Mohd Shahar Bin Abdullah. Beliau menyatakan komitmen Kementerian Kewangan dalam menyokong program *MYStartup East Coast Region Roadshow*.

“Kementerian Kewangan sangat berbesar hati kerana dapat berada di sini bersama-sama MOSTI dan Cradle pada siri jelajah *MYStartup East Coast Region Roadshow* di Pahang kali ini. Harapan saya agar komuniti *startup* terutamanya di kawasan setempat dapat meneroka dan memanfaatkan peluang-peluang yang ditawarkan oleh pelbagai pemain industri untuk mengembangkan syarikat-syarikat mereka ke peringkat serantau mahupun peringkat global,” katanya.

Program MYStartup yang telah dilancarkan pada Februari tahun ini telah mengenal pasti kekangan utama yang dihadapi oleh komuniti *startup* iaitu kurangnya sokongan kepada program-program pembangunan kapasiti serta modal insan. Syarikat-syarikat *startup* ini mempunyai potensi yang besar tetapi memerlukan pendedahan serta bimbingan secara berterusan oleh pihak berkepentingan, bukan sahaja agensi persekutuan seperti Cradle tetapi juga entiti daripada pihak negeri.

Pada masa yang sama, setiap entiti negeri dan persekutuan turut digalakkan berkomunikasi secara berterusan antara satu sama lain bagi mencapai matlamat melahirkan lebih banyak *startup* yang berpotensi di negeri ini. Selain *MYStartup Roadshow*, program-program lain di bawah MYStartup termasuklah, *MYHackathon*, *MYStartup Pre-Accelerator*, *MYStartup Accelerator*, *MYStartup Internship* dan *MYStartup Mentorship*.

Antara aktiviti sepanjang jelajah adalah sesi taklimat berkenaan Pelan Hala Tuju Ekosistem *Startup* (SUPER), sesi demo portal MYStartup, sesi panel berkaitan ekosistem *startup* serta peluang pembiayaan yang ditawarkan untuk komuniti *startup*. Turut diadakan adalah sesi perkongsian oleh rakan-rakan strategik program MYStartup dan sesi konsultasi secara *one-to-one*.

Maklumat lanjut mengenai ekosistem *startup* Malaysia, program-program yang bakal dianjurkan Cradle dan juga maklumat berkenaan hentian siri jelajah *MYStartup Roadshow*, *startup*, pelabur, pemain industri dan pembina ekosistem sila layari dan mendaftar di portal MYStartup di www.mystartup.gov.my

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
18 OKTOBER 2022**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Puan Emily Clarice Joannes

Pegawai Penerangan

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

03-88858299

emily@mosti.gov.my

Elmy Fairuz Azmi

PR & Media

Komunikasi Strategik

Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle)

012-2713457

elmy@cradle.com.my